



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 01 APRIL 2024 (ISNIN)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	• KERJA STABIL TANAH SIAP TUJUH BULAN • KUMPUL 110KG MINYAK TERPAKAI • KELENGKAPAN RAYA UNTUK ANAK YATIM • RM100 JUTA LAKSANA PEMBERSIHAN

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	SELANGORKINI	MBSA MPAJ MPS	• TIDAK LANJUT TEMPOH DAFTAR PADU • BELANJA BARANG RAYA 60 KANAK-KANAK • RM12,500 SUMBANGAN AIDILFITRI • KUMPUL TIGA TAN LEBIHAN MAKANAN • RM57,200 BUAT ANAK YATIM, RUMAH IBADAT • BANTU ASNAF MILIKI RUMAH PERTAMA • MANGKUK TINGKAT KURANG BEG PLASTIK
2.	THE STAR	MBSA MBPJ DBKL	• COUNCILLOR: NO PLANS TO KILL STRAYS DOG • MBSA NEWS • FAULTY SCHOOL ROOFS FINALLY REPAIRED AFTER TWO YEARS • DFART PLAN FEEDBACK • REZONING WON'T HARM ASHRAM • DELAYS COMPLICATE PROJECT
3.	KOSMO	DBKL	• DBKL KELUARKAN 3 NOTIS PENGUATKUASAAN
4.	HARIAN METRO	MPKj	• ISU PEMBINAAN KUIL DEKAT TAMAN KOPERASI CUEPACS PENDUDUK MAHU PENYELESAIAN

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	• SIDEC MENTERAI LIMA MoU DI TAIPEI • URUS PENIAGA BAZAR TANPA PERMIT • PENJAWAT AWAM, PEMIMPIN MASYARAKAT TERIMA MANFAAT BANTUAN KHAS RAYA SEBULAN GAJI • TEMPAH KUTIPAN PUKAL DI I-CLEAN
2.	THE STAR	• SELANGOR'S CROWN JEWEL IN KUALA LUMPUR STILL IN LIMBO • HIGH TRAFFIC VOLUME IN BEATING DEADLINE BID
3.	SINAR HARIAN	• BERSEDERHANA DALAM BELANJA JUADAH BUKA PUASA • PERLINDUNGAN 24 JAM PERKESO JAMIN KELANGSUNGAN HIDUP RAKYAT • CARILAH PENYELESAIAN LAMBAKAN RUMAH GAGAL DIJUAL • RON95 DIJANGKA ANTARA RM2.10-RM2.40 DENGAN PELAKSANAAN SUBSIDI BERSASAR
4.	KOSMO	• CUMA ADA MAKLUMAT ASAS BAGI SIAPA YANG TAK DAFTAR PADU • RAMAI PILIH HARI TERAKHIR DAFTAR PADU
5.	HARIAN METRO	• ZON BEBAS CUKAI TIADA CUKAI PERKHIDMATAN

BIL	AKHBAR	TAJUK
6.	BERITA HARIAN	• PROSES KEMAS KINI DATA PADU BERTERUSAN • AGIHAN SUBSIDI BERSASAR KERAJAAN TIDAK TERJEJAS • RON95 DIJANGKA GUNA HARGA TERAPUNG TERURUS
7.	UTUSAN MALAYSIA	• 10.85 JUTA DAFTAR PADU MENJELANG HARI TERAKHIR • RINGGIT DIUNJUR MENGUKUH PADA RM4.38 TAHUN INI • JULAT PERTUMBUHAN PINJAMAN DIUNJUR 5.5 HINGGA 6.0 PERATUS
8.	NEW STRAITS TIMES	• AVOID WORKING IN SILOS ON PADU • PEOPLE CAN UPDATE DATA IN PADU PERIODICALLY • ENOUGH DATA FOR GOVT TO DECIDE WHO GETS SUBSIDIES • PADU REGISTRATION BOOTHS PACKED AS DEADLINE LOOMS • RINGGIT LIKELY TO STAY AT 4.72-4.73 RANGE AGAINST US DOLLAR THIS WEEK • BANKING SECTOR'S PROFIT SEEN TO GROW 6pc

Kerja stabil tanah siap tujuh bulan

SUBANG JAYA - Kerja penstabilan cerun fasa dua di Taman Wawasan, di sini dijangka siap antara enam hingga tujuh bulan.

Datuk bandarnya berkata pihaknya mengenal pasti pemilik tanah iaitu Wawasan Indera Sdn Bhd yang turut bersetuju menanggung keseluruhan kos serta kerja pemulihan di Jalan Wawasan.

"Pihak pemaju akan mengambil alih sepenuhnya kerja pembaikan dan ia akan dijalankan segera.

"Penduduk diharap bersabar kerana proses ambil alih pemaju sedang dilakukan," kata Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim pada 26 Mac.

Kejadian 16 Disember tahun lalu itu mengakibatkan 29 penghuni di sembilan rumah diarah berpindah atas faktor keselamatan, susulan kejadian tanah runtuh.



Lebih makanan bernilai RM14,448

Kumpul 110kg minyak terpakai

Oleh AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Sebanyak 110 kilogram (kg) minyak masak terpakai dikutip dari empat bazar Ramadan dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) setakat 18 Mac.

Menurut Bahagian Komunikasi Korporatnya, kutipan tertinggi dicatat di Bandar Kinrara iaitu 28kg diikuti USJ 4 (29kg), Taman Puncak Jalil (26kg) dan Taman Puchong Prima (17kg).

Mengikut MBSJ, program bertema

Kumpul, Jana Dan Dapatkan Wang Tunai dengan kerjasama Petronas Dagangan Berhad diadakan sepanjang bazar beroperasi pada Sabtu mulai 5 petang hingga 7 malam.

"Peniaga yang mengambil bahagian diberi bayaran wang tunai RM3 per kg serta diberi 'Jerry Can' percuma untuk setiap kutipan minimum 10kg semantara stok masih ada," kata kenyataan pada 21 Mac.

Petronas menawarkan pertukaran tong gas percuma kepada peniaga pada Isnin, Khamis dan Sabtu dalam

program berkenaan. Tong kitar semula minyak masak juga disediakan di tujuh bazar.

Bazar berkenaan antaranya USJ 7, Dataran Puchong Permai, Taman Puchong Indah, Taman Puchong Utama, Bandar Bukit Puchong, Taman Seri Serdang dan Taman Equine.

MBSJ juga memberitahu sebanyak 602kg lebih makanan dianggar bernilai RM14,448 dikumpul setakat 16 Mac melalui program hasil kerjasama badan bukan kerajaan What A Waste (WaW).

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH : 01 APRIL 2024

Kelengkapan raya untuk anak yatim

SHAH ALAM - Seramai 60 anak yatim dan asnaf dari Pusat Jagaan Baitul Hidayah, Puchong dirai Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan pembelian kelengkapan Aidilfitri pada 22 Mac.

Setiap individu menerima RM250 bagi membeli keperluan di pusat beli-belah Mydin, Subang Jaya dan duit raya RM50 selain produk makanan sumbangan Mamee Double Decker (M) Sdn Bhd.

"Program ini inisiatif MBSJ dalam melaksanakan tanggungjawab mukmin ke atas golongan memerlukan bagi persediaan menyambut Syawal," kata kenyataan Bahagian Komunikasi Korporat MBSJ.

Program berkenaan juga bertujuan menjayakan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) iaitu Tiada Kemiskinan (SDG1), Kelaparan Sifar (SDG2) dan Bandar dan Masyarakat Mampan (SDG11).

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH : 01 APRIL 2024

RM100 juta laksana pembersihan

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) menyediakan dana RM100 juta bagi menjalankan kerja pembersihan demi memastikan bandar raya itu sentiasa bersih, sihat dan sejahtera.

Timbalan Datuk Bandarnya Mohd Zary Affendi Mohd Arif menegaskan pemantauan berterusan dan penguatkuasaan giat dibuat berikutan



kos tinggi untuk melaksanakan kerja pembersihan.

"MBDK sedia bekerjasama dengan mana-mana pihak yang melaksanakan program gotong-royong seperti membekalkan peralatan," katanya dalam perhimpunan bulanan pada 18 Mac.

Beliau menambah Jabatan Perkhidmatan Persekitaran juga

membuat operasi di tapak sampah longgok selain meneruskan program bulanan kutipan kitar semula dan minyak masak terpakai.

Katanya, sebanyak 140 tapak sampah longgok dikenal pasti dan 84 daripadanya telah ditutup sepenuhnya manakala baki lebih kurang 40 peratus dijangka selesai pada tahun ini.

Selain itu, program kutipan kitar semula dan minyak masak terpakai diteruskan pada minggu keempat setiap bulan.

Tidak lanjut tempoh daftar Padu

SHAH ALAM - Tiada cadangan untuk melanjutkan tempoh mengemas kini maklumat dalam sistem Pangkalan Data Utama (Padu) yang berakhir pada 31 Mac, kata Menteri Ekonomi Rafizi Ramli.

Beliau memberitahu lanjutan masa tidak boleh dilakukan bagi mematuhi jadual pelaksanaan penstrukturan semula subsidi pukal kepada subsidi bersasar yang akan dibuat kerajaan.

Katanya lagi, kelewatan mengadakan subsidi bersasar mengakibatkan kerajaan menanggung sekurang-kurangnya RM2 bilion untuk subsidi petrol yang diberi secara pukal.

"Sedangkan jika diagih kepada keluarga memerlukan, ramai yang mendapat manfaat," katanya dalam sesi townhall di Pusat Konvensyen Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di sini pada 23 Mac.

Dalam sidang Dewan Rakyat pada 26 Mac, Rafizi menjelaskan Padu mematuhi ciri keselamatan dan menepati piawaian antarabangsa, malah dua juta cubaan untuk menembusi sistem itu dipatahkan.

Beliau menambah pembangunan sistem berkenaan diketuai Jabatan Digital Negara yang bekerjasama rapat dengan pelbagai agensi yang menguruskan keselamatan siber.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH : 01 APRIL 2024

Belanja barang raya 60 kanak-kanak

SHAH ALAM - Seramai 60 anak daripada golongan memerlukan menerima sumbangan raya daripada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), kata Datuk Bandar Shah Alam Ir Cheremi Tarman.

Beliau berkata pemberian bernilai RM200 turut ditaja Butik Amar Amran yang menyumbang kelengkapan tambahan bagi menceriakan sambutan Aidilfitri.

"Inisiatif ini juga mempromosi kese-

garan tanggungjawab sosial dalam kalangan masyarakat untuk membantu mereka yang lebih memerlukan.

"Ini sebahagian elemen Matlamat Pembangunan (SDG) iaitu Tiada Kemiskinan (SDG1) dan Bandar dan Komuniti Mampan (SDG 11)," katanya dalam program Jom Beli Baju Raya MBSA pada 19 Mac.



Penerima sumbangan terdiri daripada kanak-kanak berusia enam hingga 17 tahun dari kalangan keluarga berpendapatan rendah, fakir miskin dan orang kurang upaya.

Pemilik butik Amar Amran pula berterima kasih kepada MBSA kerana memberi peluang kepadanya untuk menyantuni golongan memerlukan.

RM12,500 sumbangan Aidilfitri

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menyalurkan bantuan Aidilfitri kepada 50 penerima dengan peruntukan berjumlah RM12,500.

Datuk Bandarnya Ir Cheremi Tarman berkata semua penerima mendapat hamper barangan keperluan raya dan wang tunai RM100.

"Penerima sumbangan terdiri dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah (B40), warga emas, ibu tunggal,

miskin bandar dan orang kurang upaya (OKU).

"Program ini bertujuan meringankan beban mereka sekali gus memberi peluang dan keceriaan golongan ini dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri," katanya.

Beliau menyempurnakan Program Sumbangan Prihatin MBSA sempena Hari Raya Aidilfitri 2024 di Dewan MBSA Kiambang, Seksyen 7 di sini pada 26 Mac.

Sementara itu, Jumariah Yakob, 60,

bersyukur dengan bantuan itu yang sedikit sebanyak meringankan bebannya membeli kelengkapan raya.

"Alhamdulillah, syukur dapat bantuan ini sekurang-kurangnya kami sekeluarga dapat jimatkan perbelanjaan membeli barangan dapur," katanya.

Muhammad Asyhraff Ishak, 31, yang baharu kali pertama terima bantuan daripada MBSA amat terharu dan berharap ia diteruskan pada masa akan datang.

Kumpul tiga tan lebihan makanan

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) berjaya mengumpul 3,780.3 kilogram (kg) lebihan makanan di bazar Ramadan setakat seminggu program MySave Food@Bazar Ramadan.

Datuk Bandar Ir Cheremi Tarman berkata program tersebut kian mendapat sambutan menggalakkan dalam kalangan peniaga sekali gus menyelamatkan ratusan kilogram makanan daripada dibuang.

"Kita mengalu-alukan peniaga bazar untuk terus menyokong program ini kerana secara tidak langsung kita dapat membantu golongan kurang mampu.

"Agihan makanan kepada golongan memerlukan itu selamat berikutan dihantar dalam tempoh dua jam," katanya selepas Program Sumbangan Prihatin MBSA sempena Hari Raya Aidilfitri 2024 di Dewan MBSA Kiambang, Seksyen 7 di

sini pada 25 Mac.

Pada 20 Mac, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari ketika meninjau program tersebut di Seksyen 19 di sini berkata program yang dirintis MBSA bakal diperluas ke semua PBT.

Program yang dimulakan MBSA sejak empat tahun lalu diteruskan tahun ini sehingga 3 April pada setiap Isnin hingga Jumaat di Stadium Shah Alam Seksyen 13, Seksyen 17 dan Seksyen 19.



selangor***kini***

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 28 MAC - 3 APRIL 2024

www.selangorkini.my

RM57,200 buat anak yatim, rumah ibadat

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menyumbang sebanyak RM57,200 kepada masjid, surau dan rumah anak yatim serta kebajikan sempena Ramadan.

Yang dipertuanya memberitahu agihan dalam program Kongsi Rezeki membabitkan 54 rumah ibadat dan lapan rumah kebajikan serta anak-anak yatim di kawasan pentadbirannya.

"Sebanyak RM1,000 disumbangkan kepada setiap penerima dan MPAJ turut menyampaikan sumbangan keperluan harian asas kepada rumah anak yatim dan kebajikan.

"MPAJ turut merai 160 anak yatim dengan sumbangan duit raya dengan jumlah keseluruhan RM3,200," kata Dr Ani Ahmad menerusi kenyataan pada 22 Mac.

Pihaknya turut mengedar bubur lambuk kepada orang ramai sepanjang bulan ini.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH : 01 APRIL 2024

Bantu asnaf miliki rumah pertama

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyerahkan bayaran RM532,794.90 kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) bagi membeli 10 unit rumah kos rendah.

Menurut LZS di Facebook, kediaman di Pangsapuri Desa Lembah Permai itu ditawarkan pihak berkuasa tempatan tersebut kepada golongan asnaf fakir miskin.

"Semoga bantuan yang diberi kepada asnaf dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Terima kasih kepada pembayar zakat yang menyempurnakan hasrat mereka untuk memiliki rumah pertama," kata kenyataan.

Majlis penyerahan cek cura disempurnakan Yang Dipertua MPAJ Dr Ani Ahmad bersama Timbalan Ketua Divisyen Operasi Agihan Asnaf LZS Md Yusmizan Yusuf pada 13 Mac.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH : 01 APRIL 2024

Mangkuk tingkat kurang beg plastik

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Selayang mengedar 200 mangkuk tingkat kepada pengunjung Bazar Ramadan Bandar Rawang pada 20 Mac.

Menurut kenyataan Bahagian Perhubungan Awamnya, agihan bekas makanan berkenaan sebahagian usaha mendidik orang ramai supaya mengurangkan penggunaan beg plastik di bazar Ramadan.

"Tujuan program ini diadakan sebagai simbolik kepada pengunjung untuk mengurangkan penggunaan beg plastik di bazar Ramadan.

"Program ini memberi kesedaran dan menggalakkan peniaga untuk tidak menggunakan beg plastik bagi membungkus makanan manakala pengunjung digalakkan membawa bekas makanan sendiri," katanya.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH : 01 APRIL 2024



selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 28 MAC - 3 APRIL 2024

www.selangorkini.my

Sidec meterai lima MoU di Taipei

Perkukuh bidang teknologi, inovasi

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR

SHAH ALAM - Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec) menandatangani lima memorandum persefahaman (MoU) dalam Sidang Kemuncak dan Ekspo Bandar Pintar di Taipei, Taiwan.

EXCO Pelaburan Ng Sze Han berkata kerjasama bidang inovasi dan teknologi mencakupi pengangkutan, penyelidikan dan pembangunan bandar pintar serta pendidikan kecerdasan buatan (AI).

Katanya, Sidec juga bekerjasama dengan Jabatan Teknologi Maklumat Kerajaan Bandar Raya Taipei bagi menubuhkan Makmal Mobiliti Selangor bagi merevolusi sistem pengang-

kutan di Selangor.

"Sidec turut menandatangani MoU dengan Persatuan Komputer Taipei bagi merangsang inovasi antara Selangor dan Taipei bagi menyokong pertumbuhan syarikat baharu dalam pasaran," katanya.

Kerjasama dengan Institut Industri Maklumat pula dimeterai untuk penyelidikan, pembangunan dan projek rintis teknologi bandar pintar serta sektor alam sekitar, sosial dan amalan tadbir urus.

Sze Han memberitahu MoU lain melibatkan Sekolah Digital Selangor dengan Akademi AI Taiwan dan Makmal AI Taiwan bagi menyediakan pendidikan AI kepada lepasan universiti.

Beliau menambah 10 syarikat pemula dari Selangor yang dibimbing Sidec turut menyertai ekspo berkenaan sebagai pendedahan untuk meneroka peluang peniagaan dalam pengurusan itu.

Sebelum ini, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata Selangor mahu merebut peluang dalam teknologi baharu yang giat berkembang di seluruh dunia termasuk industri AI.

Justeru, peruntukan RM2 juta disediakan Kerajaan Negeri bagi memanfaatkan pembangunan dron menerusi pembinaan industri peranti keras (hardware).

Selain itu, RM1 juta diperuntuk dalam belanjawan tahun ini bagi menubuhkan Pusat AI Selangor bagi mengukuhkan lagi sistem perkhidmatan pentadbiran negeri.



SELANGORKINI ONLINE

TARIKH : 01 APRIL 2024



Urus peniaga bazar tanpa permit

SHAH ALAM - Lokasi peniaga bazar Ramadan 'rambo' yang berniaga tanpa permit yang dikeluarkan pihak berkuasa tempatan (PBT) dikenal pasti, kata EXCO Pemberdayaan Usahawan Najwan Halimi.

Menyifatkan situasi itu terkawal, beliau berkata PBT membuat peman-tauan dan penguatkuasaan berterusan bagi mengelakkan timbul perbalahan sesama peniaga, lapor Berita Harian.

"Biasanya timbul perselisihan apabila penjaja 'rambo' datang tiba-tiba tanpa permit, pacak gerai dan menimbulkan masalah dengan peniaga yang berdaftar dengan PBT," katanya pada 23 Mac.

Beliau menambah Kerajaan Negeri tidak menghalang mana-mana usahawan untuk berniaga sepanjang Ramadan tetapi perbuatan sedemikian tidak adil kepada peniaga yang mematuhi

peraturan.

Katanya, notis makluman lebih awal dibuat pada peringkat PBT sebelum bulan puasa supaya peniaga memohon permit sebelum menyertai mana-mana bazar Ramadan.

"Tidak adil untuk peniaga yang ada permit. Jadi, penguatkuasaan penting dan sedang dilakukan," katanya dan menambah tindakan kompaun diambil terhadap peniaga 'rambo'.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH : 01 APRIL 2024



Penjawat awam, pemimpin masyarakat terima manfaat

Bantuan khas raya sebulan gaji

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD

SHAH ALAM - Penjawat awam negeri ini akan menerima Bantuan Khas Kewangan (BKK) sebulan gaji atau minimum RM1,000 sempena sambutan Aidilfitri.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata Insentif Khas Kita Selangor Aidilfitri 2024 melibatkan kesan kewangan RM45 juta disalurkan pada 8 April.

"Sebulan gaji atau minimum RM1,000 kepada semua penjawat awam negeri yang sedang berkhidmat di SUK (bangunan pentadbiran negeri).

"Bantuan sama akan dilebarkan penjawat awam kerajaan persekutuan yang berkhidmat bawah SUK," katanya dalam Majlis Mahabbah Ramadan Madani di sini pada 22 Mac.

Amirudin berkata insentif elaun sebulan pula diberi kepada pemimpin masyarakat lantikan negeri an-

taranya pengerusi dan setiausaha majlis pengurusan komuniti kampung.

Beliau menjelaskan pegawai perhubungan perkampungan serta ketua komuniti India, penyelia Wanita Berdaya Selangor, Penggerak Belia Selangor dan ahli majlis turut menikmati.

Sementara itu, beliau mengumumkan penggerak masjid seperti nazir, imam, bilal dan siak serta guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (Kafa) akan menerima bantuan RM500.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH : 01 APRIL 2024

Tempah kutipan pukal di i-Clean

SHAH ALAM - KDEB Waste Management menawarkan khidmat kutipan sampah pukal sempena perayaan Aidilfitri yang boleh ditempah menerusi aplikasi i-Clean.

Pengarah Urusannya Dato' Ramli Mohd Tahir menjelaskan orang ramai yang memerlukan perkhidmatan tersebut hanya perlu mendaftar berikutan permintaan tinggi pada setiap tahun.

"Tahun lepas di Subang Jaya sahaja, kita terima lebih 1,000 permintaan dan tahun ini, kita akan buat perkara sama tetapi saya nasihatkan jangan daftar saat akhir," katanya pada 21 Mac.

I-Clean Selangor yang boleh dimuat turun di Google Play dan App Store memudahkan orang ramai melaporkan aduan kutipan sisa pepejal selain memohon khidmat pembuangan sampah pukal.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH : 01 APRIL 2024

By MEGAT SYAHAR and
AISYAH ANESEE
metro@thestar.com.my

9pr
1/4
(MBSA)

Councillor: No plans to kill stray dogs

SHAH Alam City Council (MBSA) has no intention of euthanising stray dogs caught in Setia Alam, says its councillor Simon Siow.

"The city council has no intention of killing these stray animals," he told *StarMetro*, clarifying recent media reports that MBSA was planning an operation to catch and kill up to 500 stray dogs in hot spots in the area.

"The procedure is to catch strays, and if no owner claims them within seven days, they will be sent to animal welfare organi-

sations," he said when contacted.

It was earlier reported that volunteers would be rewarded RM30 for each dog caught in the area from April 22 to 24.

Siow revealed that Zone 21, which he is in charge of, has recorded the highest number of stray dogs so far this year.

"The strong words conveyed were intended as a stern warning to pet owners.

"While I personally love dogs, we must consider the safety of the public.

"If stray dogs start to pose a

threat, the city council will be held accountable, not the animal welfare organisations," he added.

In a statement, MBSA said welfare of the dogs would be ensured and all processes to capture them would follow proper procedures.

Society for the Prevention of Cruelty to Animals (SPCA) Selangor expressed its deep concern regarding the proposed capture and culling of stray dogs in Setia Alam.

Its general manager Kelvin Cheah said addressing the stray

animal population required a comprehensive approach beyond temporary measures like catching and killing.

"We encourage collaboration with local residents, community leaders and relevant authorities to implement projects like 'Potong Royong', which is a mass pet-neutering programme.

"This initiative not only promotes community involvement but also fosters a sense of ownership and responsibility among residents towards their environment.

"By working together and adopting a proactive approach, we can create a safer, healthier and more compassionate community for both humans and animals alike," said Cheah.

According to MBSA, from January to March 19, there were 445 complaints about strays in residential areas with 3,289 of such cases reported last year.

MBSA also said it would collaborate with residents representative councils to address the issue of stray dogs in hot spots under the Task Force initiative to catch and prevent strays from becoming a nuisance to the local community.

THE STAR

Tarikh: 01 APR 2024

82m 1/4 (MBPJ)

THE two-year wait to have two roofs repaired at SK Kampung Tunku in Petaling Jaya, Selangor is finally over.

This is thanks to the Petaling Jaya City Council (MBPJ) trust fund that subsidised the 48-year-old primary school's new skylight and library roofs.

Area councillor Ong Yew Thai and Kampung Tunku assemblyman Lim Yi Wei helped the school receive RM126,800 for its new infrastructure through MBPJ.

Installation of the new skylight roof between two blocks — previously broken in several places — and repairs for the library roof

Faulty school roofs finally repaired after two years

were the school's biggest projects.

In a press conference, Lim also presented a RM7,000 cheque to Parent-Teacher Association (PIBG) chairman Wan Huzaini Wan Hussin for future projects.

SK Kampung Tunku headmistress Rosmawati Mat Som said renovations at the school provided a safer environment for pupils.

Wan Huzaini, however, said the renovations had taken slight-

ly longer than expected, and they took advantage of the school holidays to complete the works.

SK Kampung Tunku, which opened in 1976, currently has an enrolment of 1,300 pupils with 77 teachers.

"We are thankful to MBPJ for responding to Zone 20 councillor Ong's application quickly, and ensuring that our pupils have a safe environment," he added. —
By RACHANAH SUGUMARAN



(From left) Ong, Lim and Wan Huzaini checking out the new skylight roof at SK Kampung Tunku. — LOW BOON TAT/The Star

THE STAR

Tarikh: 01 APR 2024

DRAFT PLAN FEEDBACK ✓

Public feedback on the draft Kuala Lumpur Local Plan 2040 has been extended until April 15. Stakeholders can view and submit their feedback on the draft plan at Menara DBKL 1 at Jalan Raja Laut and Menara DBKL 3 at Jalan Raja Abdullah. The plan is also available online for viewing and feedback at <https://ppkl.dbkl.gov.my>

NEW KTMB HELPLINE

Effective April 1, KTM Bhd (KTMB) will change its customer helpline to 03-9779 1200. The 03-2267 1200 helpline ceased operations on March 31.

MBSA NEWS ✓

Shah Alam City Council (MBSA) is offering discounts of up to 70% for selected compounds and flat rate of RM20 for parking compounds until April 9.

THE STAR

Tarikh: **01 APR 2024**

Star 1/4 (DBKL)

'Rezoning won't harm ashram'

DBKL assures protection under National Heritage Act but concerns remain

By BAVANI M
bavanim@thestar.com.my

KUALA Lumpur City Hall (DBKL) says specific control measures are in place to protect the historic Vivekananda Ashram in Brickfields despite the area being rezoned for commercial development.

In a statement to *StarMetro*, DBKL said the measures included the planning control layer for zones and heritage buildings in Kuala Lumpur.

DBKL, however, did not specify the measures, apart from saying that they were outlined in "Volume 1 Part 1: Development Control of the Draft Kuala Lumpur Local Plan 2040 (KLLP2040)".

The local authority said this was despite the area the ashram is located was designated as "Main Commercial Land Use Zone" in the KLLP2040.

The statement also said the Vivekananda Ashram was classified as a "Category 1 Heritage Building" under the National Heritage Act (Act 645).

Consequently, any development or modifications to the building must be approved by the National Heritage Department (JWN).

DBKL said this in response to a March 23 *StarMetro* report that highlighted residents' concerns in a briefing with Save Kuala Lumpur Coalition (SKL).

Alarmed by the rezoning of the land surrounding the heritage building for high-density commercial development, residents voiced concerns about



Kulasegaran said consultation with Heritage Commissioner is required for any proposed work within 200m of the ashram.

potential redevelopment and the future of the area's cultural heritage.

The issue was also addressed in a recent Parliament session by Deputy Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) M. Kulasegaran, who responded to a question by Senator Nelson Renganathan regarding the land classification issue.

Kulasegaran reiterated DBKL's stance that buildings like Vivekananda Ashram, Carcosa Seri Negara, Bangunan Sultan Abdul Samad and Royal Selangor Club, all gazetted heritage sites under the Act, were protected.

When contacted, Kulasegaran told *StarMetro* that DBKL would not approve any development that contradicted its heritage status.



Muhammad Bakhtiar agrees with residents' request to ensure proper buffer zones are put in place surrounding the building.

"This includes any work done to the building such as modifications, alterations, annexes and even paint work, which must receive prior advice and feedback from the Heritage Commissioner under Section 40 of National Heritage Act 2005," he said.

He added that consultations with the Heritage Commissioner was required for any proposed work within 200m of the ashram.

Kulasegaran said the designation of the land as main commercial only pertained to the general zoning for Brickfields and did not affect the ashram's protected status.

Stakeholders, on the other hand, argued that DBKL's statement was contradictory and misleading, which could potentially lead to future complications.

More calls to protect ashram

NGOs highlight concern against commercialisation plans for KL's iconic building



Flashback to the *StarMetro* report on March 29.

Resident P. Tamilwanan said in KLLP2040, there was detailed breakdown of 10 primary classifications and 25 sub-classifications of land use.

He said Vivekananda Ashram fell under the major commercial sub-classification – designated for high-intensity commercial use aimed at generating employment and attracting skilled workers.

"According to the plan, areas zoned as major commercial must allocate at least 90% of the land for commercial purposes, with a specific target of 676ha outlined for major commercial development, including the area where the ashram is situated.

"We are disputing this zoning proposal and advocating for the ashram to be categorised under the public facilities sub-classification."

Tamilwanan said this designation was tailored for community-centric activities such as those

related to religion, culture, recreation and healthcare, aligning closely with the ashram's mission over its 120-year history.

When contacted, former deputy Tourism, Arts and Culture minister Muhammad Bakhtiar Wan Chik said the ashram's heritage status would not fully protect it from future development or encroachment, as he had seen happen with Carcosa building.


"When a third party carried out renovation and repairs on the iconic building, it was not sanctioned by JWN," he added.

"During my tenure as deputy minister, I was informed that during the filming of *Crazy Rich Asians*, refurbishment and painting were carried out without permission from JWN, compromising the integrity of the heritage building.

He agreed with residents' request to rezone the ashram and putting in place buffer zones surrounding the building.

THE STAR
01 APR 2024

Tarikh:.....



Despite Plaza Rakyat's central location in Kuala Lumpur, plans to revive it have continued to fail. — Photos: RAJA FAISAL HISHAN and FAIHAN GHANI/The Star

Star 1/4 (DBKL) ①

Delays complicate project

Plaza Rakyat's city centre location still does not help revival efforts

By FARID WAHAB and BAVANI M
metro@thestar.com.my

IT HAS been nine years since the announcement on the revival of the abandoned Plaza Rakyat project in Jalan Pudu, Kuala Lumpur, yet there seems to be little to no progress at the site.

Recent checks by StarMetro found the site to be cordoned off with hoarding and with metal piling visibly jutting out of the uncompleted project.

A small building, which appeared to be the showroom, was also off-limits due to hoarding placed around it.

A parking attendant in the area, who gave his name only as Awang, said there had been no activity at the construction site for years.

"I have never seen anyone enter the site either," he said, adding that he was unaware of any plans to rebuild the abandoned complex.

An aerial check by StarMetro also found stagnant water inside the complex, alongside untrimmed overgrowth.

Plans to revive Plaza Rakyat were announced in 2015 by then federal territories minister Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

This followed a series of legal proceedings and negotiations by the Kuala Lumpur City Hall (DBKL) to acquire the site.

However, it was unclear what became of the revival and the plan was mooted again by Tengku Adnan's predecessor Khalid Abdul Samad in 2019.

He said the development was supposed to take between 36 and 50 months to be completed.

A DBKL source with knowledge of the matter said the developer had plans to bring in a contractor from China for the revival.



Commuters at the Plaza Rakyat LRT station which is located inside the abandoned Plaza Rakyat project.



Soo says so much has changed in the Jalan Pudu area and the original Plaza Rakyat project may no longer be suitable there.

"However, the Covid-19 pandemic soon hit and there has been no update since then," he told StarMetro.

DBKL's Corporate Communications Department, in a statement, revealed to StarMetro that several rounds of discussions had been held with the company involved in the Plaza Rakyat project to explore

viable methods for its advancement.

However, no definitive solution has been reached thus far.

The statement added that DBKL was currently engaged in conducting comprehensive feasibility, technical and commercial studies aimed at identifying optimal implementation strategies for the project in the future.

Challenges abound

Located within a 5km radius of major attractions such as Dataran Merdeka and the Central Market and with an LRT station and track running through it, the Plaza Rakyat project has all the ingredients for a vibrant commercial and retail space.

Yet, attempts to revive the project over the years have continued to fail.

Retail property consultant Allan Soo said reviving the project, although possible, would be mired in challenges.

"So much time has passed since the inception of the project,

which brings into question whether or not it is still relevant.

"Usually, a development project is planned with the area's character taken into account.

"So much has changed in the Jalan Pudu area, and the original project may no longer be suitable there," he said.

The rapid development of newer and more modern retail spaces, added Soo, had caused intense competition in the retail property market.

He cited the recently opened Menara Merdeka 118, located about 2km from Plaza Rakyat.

"Unlike these newer malls, Plaza Rakyat is considered to be in the downtown area of Kuala Lumpur.

"Many shoppers prefer to head to newer malls located in more upbeat and vibrant parts of the city," he said.

Soo said for the revival to succeed, the breakdown between residential and commercial spaces in the project must be reviewed.

"A mix of residential units and low-budget to medium-

Selangor's crown jewel in Kuala Lumpur still in limbo

By BAVANI M
bavanim@thestar.com.my

THE FUTURE of one of Selangor government's cherished assets is shrouded in uncertainty despite its strategic location at the core of Kuala Lumpur's bustling golden triangle.

Bangunan Bukit Bintang, located at the intersection of Jalan Bukit Bintang and Jalan Sultan Ismail, is owned by the state's education foundation Yayasan Selangor.

It adjoins Sungei Wang Plaza and the site of the former Bukit Bintang Plaza that was demolished.

Located adjacent to the Bukit Bintang MRT station and surrounded by prominent city malls, this 12-storey structure, referred to as Yayasan Selangor, has remained unoccupied for more than a decade.

In 2012 *StarMetro* reported on a proposed makeover of the ageing structure into a contemporary boutique hotel.

The proposed redevelopment entailed earmarking 144,000sq ft of space for the hotel, incorporating a basement level linked to the Bukit Bintang MRT station.

Nevertheless, despite these plans, the fate of the building has been in limbo.

**YOUR
RIGHT
to
know**

During a recent Selangor state assembly session, Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari responded to queries by Ijok assemblyman Jefri Mejan, who sought updates on the state's assets in Bukit Bintang and Kampung Pandan in Kuala Lumpur.

Jefri inquired whether Yayasan Selangor had any plans to utilise these assets, given their abandonment for over a decade.

Amirudin disclosed that in 2019, the state had permitted an interested party to develop the site where the building was situated.

However, due to the impact of the Covid-19 pandemic and the company's failure to proceed, the state terminated the agreement before a long-term lease for the building's redevelopment could be presented.

"In addition, the allocated



The Yayasan Selangor building has been empty for over 10 years. — WILLIAM GARY/The Star

investment for asset development in Bukit Bintang, including upgrading works, amounted to RM20mil.

"Once the restoration work

is completed, we anticipate a return of RM118mil over a 25-year period," Amirudin said.

Regarding the land in Kampung Pandan, Amirudin

said Yayasan Selangor had offered long-term leases to applying companies, with the process nearing completion as of February this year.


He added that an agreement had been signed with a company for the development of the 7.16ha land, with development orders and planning permissions obtained from the Kuala Lumpur City Hall (DBKL) for a mixed development involving housing and commercial purposes.

Amirudin anticipated it to be completed within eight years, yielding an estimated return of between RM250mil and RM300mil.

The Star had previously reported the 2014 Auditor-General Report highlighting Yayasan Selangor's estimated loss of RM15.12mil in revenue due to delays in its Bukit Bintang redevelopment project since 2010.

The report stated that despite the decision to redevelop the building in June 2010, the project was not finalised even by August 2014.

Additionally, termination notices were issued to all tenants from November 2011 until July 2012, requiring them to move out by August 2012.



No activities have been sighted at the Plaza Rakyat project for years, according to locals, despite plans to revive it. *Amir 1/4* *(2)* *(BKL)*

budget hotels will likely do well there, but the same cannot be said for a mall.

"The developer also needs to find ways to fit the revised development plan into the existing structure," he added.

Malaysian Institute of Architects (PAM) immediate past president Sarly Adre Sarkum says the longer a project is delayed, the more complicated it becomes.

He highlighted the challenges in resolving issues and revitalising the project as complications mount.

"This complexity can be due to the involvement of multiple stakeholders.

"Also at the beginning, there

is a profit margin to work with, but after delays, everything changes, introducing risks and impacting the quality of the site, such as Plaza Rakyat," he said.

Sarly also questioned the rationale behind assuming such risks, suggesting that Plaza Rakyat would require intervention from a government-linked company (GLC) with sufficient financial capacity to navigate and mitigate these risks effectively.

For some of the buyers, it has been a long wait for compensation or any revival attempts.

Thirty years ago, Seng Tee, a tailor from Teluk Intan, bought a unit in Plaza Rakyat.

Now, at the age of 71, he continues to await any form of compensation from the developer of the abandoned project.

"At my age, I'm too weary to continue the struggle. Whether it's offering us a unit in their new project, requiring additional payment for the unit, or providing some form of compensation, I'm open to it.

"I simply wish to end this cycle of hope and waiting," he said.

Long history

The Plaza Rakyat mixed development project was abandoned in the late 1990s during the Asian financial crisis after



Menara Merdeka 118 towers behind the abandoned Plaza Rakyat project.

(Below) This pedestrian walkway is used by commuters to travel in and out of the Plaza Rakyat LRT station, which is located inside the abandoned project.



its developer Plaza Rakyat Sdn Bhd (PRSB) ran into financial trouble.

The development, then valued at RM1.4bil, was only 30% completed at the time.

It was to include a 96-storey tower comprising 10 storeys of office space, 50 storeys of serviced apartment and a 26-storey hotel.

In 2010, the Federal Government terminated PRSB's contract and the company went into receivership and came

under the administration of a consortium of lender banks.

In 2014, DBKL took vacant possession of the site after repaying a RM150mil loan taken by PRSB from those banks.

The local authority then undertook works lasting three months to drain stagnant water inside a seven-storey basement at the site.

In 2015, DBKL signed an agreement with a new developer to take over the project for a sum of RM740mil.

High traffic volume in beating deadline bid

By RAHIMY RAHIM
rahimr@thestar.com.my

PETALING JAYA: The 50% target registration for those aged 18 and above for the Central Database Hub (Padu) is achievable, says Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

The chief statistician said he is optimistic that registration could reach the 11 million target before registration closed.

As of noon yesterday, 48.3% or 10.8 million eligible people have registered with Padu.

Earlier in the day, those trying to register complained that they were unable to log on using their laptops and handphones, but the system returned to normal at about 3.30pm.

Mohd Uzir said a total of 1,902 physical registration counters nationwide were opened until 5pm yesterday.

"Based on the reports we received, most of the physical counters received an influx of people who wanted to register for Padu. This shows the people's acceptance.

"Currently, among the states with the highest number of Padu registrations and updates are Perlis, Kelantan, Terengganu and Negri Sembilan, which have exceeded the 50% target," he said.

Asked about some reservations from the Sabah and Sarawak state governments over Padu, Mohd Uzir said the system was built online and it could be accessible 24 hours a day.

"So far, the numbers have been encouraging from the two states.

"And (those in Sabah and



Patiently waiting: A long line of people waiting to register with Padu at the Johor Baru Inland Revenue Board (LHDN) office yesterday. — Bernama

Sarawak) have continued to register and update their information on our database," he said.

He said since Padu was launched on Jan 2, the system continued to function without interruption or downtime, despite the high traffic volume.

He said this showed that the system had been well developed to facilitate registration and information update.

"As we have stated before, this system is safe to use, and the data stored in Padu is also safe."

Mohd Uzir said the data stored

in the system will make it easier for the Statistics Department to carry out analysis and census activities to facilitate the distribution of government aid.

This is in addition to helping the government introduce policies which will suit the needs of the people.

He said the department needed dynamic data to carry out analysis, adding that it will use the existing basic data for those who did not register with Padu.

Economy Minister Rafizi Ramli said that the government had

opened registration for Padu for people to update their socio-economic data status.

"The information needs to be verified and updated to ensure that the government will be fair to the people as it will be used for targeted subsidies to those eligible groups in the future," he said in a Facebook post.

Rafizi also thanked all parties who had registered, updated and verified their data.

"God willing, on the last day, those who did not register would have done so."

THE STAR

rikkh: 0.1 APR 2024

Bersederhana dalam belanja juadah buka puasa

SUDAH lebih dua minggu umat Islam mengerjakan ibadah berpuasa. Tetapi isu yang masih segar dan berlegar di media cetak mahupun elektronik ialah berkaitan harga juadah di bazar Ramadan.

Dengan kenaikan harga barang akhir-akhir ini sudah pastinya harga juadah itu akan ada sedikit peningkatan. Peniaga bukan sesuka hati ingin meletakkan harga sebegitu tetapi mereka terpaksa kerana harga barang mentah juga meningkat. Isu harga juadah atau bufet Ramadan mahal sebenarnya berbalik kepada sifat pengguna itu sendiri. Sekiranya harga ditawarkan terlalu mahal, maka kenapa masih lagi ingin berbelanja untuk mendapatkan juadah itu?

Sebagai pengguna kita perlu bertanya kepada diri sendiri, adakah berbaloi untuk kita berbelanja dengan harga sedemikian. Sekiranya kita merasakan ia tidak berbaloi, kita mempunyai pilihan yang lain.

- Dr Mohd Rahim Khamis ialah Pensyarah Kanan Jabatan Ekonomi dan Pengajian Kewangan, UiTM Puncak Alam.

FOTO: BERNAMA



Bazar Ramadan masih menjadi lokasi tumpuan orang ramai bagi membeli juadah berbuka puasa.

SINAR HARIAN
Tarikh: 01 APR 2024

Perlindungan 24 jam PERKESO jamin kelangsungan hidup rakyat

SHAH ALAM – Strategi Kementerian Sumber Manusia (Kesuma) untuk memberi perlindungan keselamatan sosial 24 jam kepada pekerja akan menjamin kelangsungan hidup rakyat di negara ini.

Menterinya, Steven Sim berkata, menerusi rancangan di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) itu, pekerja akan tetap dilindungi walaupun bencana berlaku di luar waktu serta skop kerja sehingga mengundangi keilatan dan menjejaskan daya upaya tulang belakang keluarga untuk menyara kehidupan sehari-hari.

Kata beliau, usaha berkenaan mampu memastikan kelangsungan hidup yang lebih baik jika berlakunya musibah terhadap seseorang pekerja sekali gus melengkapi sistem perkhidmatan kebajikan dan sistem perkhidmatan kesihatan sedia ada.

"Contohnya, dengan perlindungan ini, seorang pekerja yang hilang upaya bekerja secara kekal akan diberi faedah bulanan sehingga 90 peratus gaji bulanan mereka. Jika berlaku kematian, orang tanggungan mereka boleh menerima faedah bulanan.

"Ini sudah tentu meringankan beban kewangan keluarga mangsa sekali gus meringankan kos-kos berkaitan kebajikan dan kesihatan yang mungkin perlu di-biaya pembayar cukai jika mangsa tidak dilindungi skim seperti ini," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Mengulas lanjut, Steven berkata, unjuran awal menunjukkan manfaat berkenaan boleh dinikmati dengan kenaikan caruman serendah RM11 sebulan untuk tangga gaji paling minimum RM1,500 sebulan.

Bagaimanapun menurutnya, cabaran pelaksanaan perlindungan



Steven menyantuni rakyat ketika hadir pada program anjuran PERKESO.

an keselamatan sosial 24 jam tersebut adalah dari segi siapa yang akan membayar caruman tambahan tersebut setiap bulan.

Rancangan untuk memberi perlindungan sosial 24 jam kepada pekerja itu merupakan pelan

jangka panjang dalam usaha melaksanakan sistem perlindungan keselamatan sosial negara yang lebih menyeluruh bertitik tolak daripada reformasi 100 hari pentadbiran Steven di kementerian berkenaan.

Steven menegaskan, Kesuma turut melakukan pelan jangka pendek dengan menambah baik dasar PERKESO sedia ada dan pelan jangka sederhana dengan merancang kempen promosi skim keselamatan sosial kepada lebih ramai pekerja dalam sektor gig dan sektor ekonomi ihsan.

"Kesimpulannya, Kesuma beriltizam memperkasakan sistem perlindungan keselamatan sosial pekerja melalui satu pendekatan strategik dan sistematik.

"Namun, mengamati sentimen semasa dalam ruang lingkup sedia ada, wujud keperluan mendesak ke arah perubahan minda bahawa perlindungan sosial bukan tambahan bebanan kewangan dalam kalangan majikan mahupun pekerja, sebaliknya pelaburan jangka panjang yang menjamin aspek keberhasilan dan kelangsungan hidup tenaga kerja negara," ujarnya.

SINAR HARIAN
Tarikh: 01 APR 2024

Carilah penyelesaian lambakan rumah gagal dijual

SETIAP tahun begitu banyak unit perumahan yang telah dibina oleh syarikat pemaju perumahan di Malaysia sama ada di kawasan bandar dan juga luar bandar.

Berdasarkan Laporan Pasaran Harta Tanah bagi separuh penggal ketiga 2019 yang dikeluarkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) mendedahkan bahawa terdapat 31,092 unit kediaman yang telah siap dibina tetapi tidak terjual bagi tempoh masa itu dengan jumlah nilai keseluruhan ialah RM18.96 bilion.

Situasi ini menimbulkan tanda tanya apabila

masih ada pemaju perumahan yang tetap membangunkan harta tanah kediaman sedangkan masih terdapat banyak bilangan unit rumah belum terjual.

Terdapat beberapa perkara dikenal pasti sebagai faktor mendorong kepada kegagalan penjualan rumah di Malaysia iaitu harga rumah yang terlampau tinggi, terdapat lambakan pembekal di pasaran serta syarat kelulusan pinjaman perumahan yang ketat.

Namun, berdasarkan realiti pada masa kini, kenaikan gaji sedia ada apabila dibandingkan dengan kenaikan pantas nilai harga sesebuah unit perumahan mengakibatkan ramai individu yang berfikir beberapa kali hanya untuk membuat keputusan untuk membeli sebuah rumah.

Bagi mengatasi masalah lambakan unit perumahan yang gagal dijual di dalam negara, maka setiap pihak dari pelbagai peringkat, sama ada kerajaan, pemaju perumahan serta entiti seperti Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M), UDA Holdings Berhad, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) perlu memainkan peranan memastikan setiap individu atau unit keluarga mampu untuk mendiami rumah selesa serta berdaya huni.



Harga rumah yang semakin meningkat memberi tekanan kepada rakyat untuk memiliki kediaman sendiri.- *Gambar hiasan*

- Dr. Nurul Ashikin Alias ialah Felo Penyelidik di Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz (UAC), Universiti Malaya

SINAR HARIAN

Tarikh: **01 APR 2024**

RON95 dijangka antara RM2.10-RM2.40 dengan pelaksanaan subsidi bersasar

SHAH ALAM - MIDF Research menjangkakan kerajaan akan memperkenalkan mekanisme harga terapung terurus bagi RON95 pada harga RM2.10 hingga RM2.40 seliter berikutan pelaksanaan subsidi bersasar.

Firma penyelidikan pasaran tersebut turut menjangkakan harga bagi diesel akan berdasarkan harga pasaran bermula Jun tahun ini.

Selain itu, MIDF Research juga menjangkakan kerajaan akan memberikan bantuan tunai kepada mereka yang layak berdasarkan data

Pangkalan Data Utama (PADU).

"Subsidi bersasar bahan api akan dilaksanakan seawal-awalnya Jun 2024. Spekulasi kami bahawa kerajaan akan memperkenalkan mekanisme harga terapung terurus untuk RON95 pada RM2.10 hingga RM2.40 seliter dan menyediakan pemberian wang tunai kepada mereka yang layak seperti berpanduan pangkalan data PADU.

"Bagi diesel, kami menjangkakan harga akan berdasarkan harga pasaran bermula dari Jun 2024 dan se-

terusnya," katanya dalam Tinjauan Pasaran Suku Kedua 2024.

Sementara itu, MIDF Research berkata, kadar inflasi dijangka berlegar atas tiga peratus berikutan pelaksanaan subsidi bersasar bahan api.

Katanya, kadar inflasi keseluruhan dijangka lebih tinggi pada 3.2 peratus kerana subsidi bersasar bahan api berkemungkinan dilancarkan seawal Jun 2024.

Indeks Harga Pengeluar pula dijangka pada 0.5 peratus untuk 2024 berbanding -1.9 peratus pada 2023.

SINAR HARIAN
Tarikh: 01 APR 2024.....

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengeluarkan tiga notis penguatkuasaan mengikut peruntukan Seksyen 70(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 atas kesalahan mengubahsuai kediaman strata hak milik bersama tanpa kebenaran dan kelulusan di Flat Kelompok Kemunting.

Unit Media Jabatan Perancangan Korporat DBKL berkata, ini susulan pihaknya melalui Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur (COBKL) menerima aduan mengenai pengubahsuaian yang berlaku di flat

DBKL keluarkan 3 notis penguatkuasaan

berkenaan.

"Pengubahsuaian di flat berkenaan membabitkan pembinaan struktur kekal oleh pemilik petak yang melebihi petak pemilik masing-masing di kawasan harta bersama.

"Hasil lawatan tapak oleh pihak COBKL di sekitar kawasan flat terbabit mendapati beberapa unit membuat pengubahsuaian, tambahan dan pembinaan struktur kekal tanpa mendapat kebena-

ran serta kelulusan pihak DBKL," katanya dalam satu kenyataan.

Mengulas lanjut, DBKL memaklumkan, perkara ini di bawah bidang kuasa

pihak perbadanan pengu- rusan dan ia selaras pe- runtukan dalam Seksyen 59(1) Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

"Yang jelas menyatakan

"Hasil lawatan tapak oleh pihak COBKL di sekitar kawasan flat terbabit mendapati beberapa unit membuat pengubahsuaian, tambahan dan pembinaan struktur kekal tanpa mendapat kebenaran serta kelulusan pihak DBKL"

bahawa kewajipan pihak perbadanan pengurusan adalah menyenggara dan menguruskan dengan sepatutnya bangunan atau tanah yang dicadangkan untuk dipecah bahagi ke- pada petak-petak dan har- ta bersama dan menjaga- nya dalam keadaan yang baik," katanya.

Katanya, pihak COBKL mengeluarkan surat ke- pada beberapa pemilik pe- tak yang terbabit dalam pengubahsuaian itu dan

sesalinaln turut dipanjang- kan kepada pihak perba- danan pengurusan.

Menurutnya, pihak per- badanan pengurusan atau pemilik petak perlu me- mastikan semua pengu- bahsuaian, tambahan dan pembinaan struktur kekal tanpa kebenaran kembali kepada bentuk asal.

"Tindakan susulan yang sama akan dibuat terha- dap pemilik-pemilik petak lain yang didapati terlibat dengan pengubahsuaian kediaman strata hak milik bersama tanpa kebenaran dan kelulusan DBKL," ka- tanya.

KOSMO

01 APR 2024

Tarikh:

Cuma ada maklumat asas bagi siapa yang tak daftar Padu

PETALING JAYA - Maklumat asas demografi setiap rakyat Malaysia sudah terkandung di dalam sistem Pangkalan Data Utama (Padu) walaupun seseorang individu tidak membuat sebarang pendaftaran sehingga ke saat akhir.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, bagaimanapun kerajaan tetap memerlukan setiap rakyat mengemas kini maklumat berkaitan status pekerjaan, pendapatan, jumlah tanggungan serta alamat kediaman untuk mengelakkan sebarang kecaciran.

"Kepada yang tak daftar lang-



MOHD. UZIR (tengah) pada sidang akhbar selepas program Lawatan Mesra Datuk Bandar Petaling Jaya ke Flat Sri Aman dan Program Pendaftaran Padu di Petaling Jaya semalam.

sung, sudah ada maklumat asas demografi dalam sistem Padu misalnya data kad pengenalan yang memberitahu maklumat jantina dan sebagainya.

"Contoh lain jika mereka ada majikan, kita sudah ambil data dalam Pertubuhan Keselamatan Sosial, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau lain-lain agensi.

"Tapi yang kita bimbang, kita hanya ada maklumat asas sahaja. Perlu diketahui setiap orang maklumatnya akan berubah-ubah setiap tahun, data rakyat takkan berbentuk statik. Sebab itu perlunya kemas kini sistem Padu ini," katanya.

KOSMO

Tarikh: 01 APR 2024



SALAH seorang warga emas hadir ke kaunter di Flat Sri Aman, Petaling Jaya bagi mendaftar maklumat di dalam sistem Padu semalam. — M. FIRDAUS M. JOHARI

Tiada kesedaran punca tidak daftar awal-awal

Ramai pilih hari terakhir daftar Padu

Oleh NURUL IZZATI ZAINI

PETALING JAYA — Pada hari terakhir pendaftaran Pangkalan Data Utama (Padu) semalam, orang ramai berpusu-pusu hadir ke kaunter-kaunter yang dibuka seluruh negara.

Tinjauan Kosmo! di Flat Sri Aman, di sini, semalam, ramai khususnya warga emas membantiri kaunter-kaunter yang dibuka bagi mengemas kini maklumat sebelum ditutup pukul 5 petang.

Menurut seorang pentadbir, Sarimah Zulkifli, 56, dia berasa yakin untuk mendaftar Padu hari ini setelah mendengar taklimat dan penerangan daripada pegawai bertugas di kaunter.

Katanya yang sudah menetap di Flat Sri Aman selama 19 tahun,

sebelum ini dirinya berasa tiada keyakinan dan was-was kerana terlampau mempercayai berita palsu mengenai keselamatan sistem Padu.

"Saya datang dan dengar sendiri daripada Datuk Bandar dan Ketua Perangkawan tentang keselamatan maklumat dalam sistem Padu. Sebelum ini tiada kesedaran.

"Inisiatif untuk buka kaunter ini dikira sebagai menyebarkan kesedaran kepada orang ramai lagi-lagi warga emas. Bila dah dapatkan penjelasan sendiri barulah ada rasa keyakinan. Ini salah satu cara untuk bantu kerajaan dan bantu diri kita juga," katanya ketika ditemui Kosmo! di sini semalam.

Seorang suri rumah, Saraswathi Raman, 45, pula berkata,

dia sudah mencari beberapa kaunter Padu sejak awal pagi sebelum mengetahui terdapat program pendaftaran yang sedang berlangsung di Flat Sri Aman.

Ujarnya yang menetap di Taman Medan, dia berhasrat untuk mengemas kini maklumat diri dalam sistem Padu bagi memastikan dirinya serta dua lagi orang anaknya tidak tercicir dalam mendapatkan bantuan kerajaan.

"Kalau tercicir bantuan nanti susah juga hendak teruskan hidup nanti," jelasnya.

Terdahulu, Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, seramai 10.8 juta rakyat Malaysia berusia 18 tahun ke atas telah mengemas kini Padu setakat 12 tengah hari semalam.

KOSMO

Tarikh: 01 APR 2024

ISU PEMBINAAN KUIL DEKAT TAMAN KOPERASI CUEPACS

Penduduk mahu penyelesaian

Oleh Mahaizura Abd Malik
mahaizura@mediaprima.com.my

Kajang

Lebih 2,000 penduduk di Taman Koperasi Cuepacs, Batu 12 dan Jalan Desa Baru di sini, menggesa kerajaan campur tangan supaya sebuah kuil yang didakwa dibangunkan di kawasan berdekatan tanpa mengikut spesifikasi dirobohkan atau dipindahkan ke lokasi lebih sesuai.

Tinjauan Harian Metro mendapati kuil yang terletak bersebelahan rumah pangsa kos rendah Taman Koperasi Cuepacs dan rumah berkembar Taman Desa Baru itu sudah siap namun pagarnya berkunci.

Malah, penduduk mendakwa kuil itu dirasmikan seorang wakil rakyat sudah digunakan untuk upacara keagamaan dan keraian penganut Hindu sejak tahun lalu lagi.

Penduduk, Mohd A Amin Kamisan, 74, yang menetap di perumahan berdekatan kuil itu sejak 30 tahun lalu berkata, kewujudan kuil itu menimbulkan rasa kurang senang masyarakat setempat berikutan tidak pernah dibincangkan dan mendapat persetujuan bersama.

"Isu ini berlarutan sejak 2009 dan bantahan sudah dibuat, pernah juga kerja pembinaan dihentikan sementara, tetapi akhirnya kuil berjaya disiapkan.

"Kita tekankan, tidak se-



SEBAHAGIAN penduduk menyuarakan bantahan terhadap pembinaan sebuah kuil berdekatan kawasan perumahan di Taman Koperasi Cuepacs, Batu 12, Kajang. - Gambar NSTP/AIZUDDIN SAAD

suai kuil ini dibina di kawasan terlampau dekat sangat dengan perumahan yang ramai masyarakat Islam apatah lagi ada surau berdekatan kuil ini.

"Malah, sejak kuil ini digunakan, ia mengganggu ketenteraman penduduk kerana jalan utama ke pintu kuil perlu menggunakan laluan Jalan Cuepacs 5E dan Jalan Desa Baru 2A sehingga menyebabkan kesesakan.

"Sekarang ini pun ketika pasar malam kawasan ini sudah sesak dengan kereta parkir di bahu jalan inikan

pula hendak ditambah dengan kenderaan yang hendak ke kuil," katanya ketika ditemui di tapak kuil itu.

Katanya, dia juga mempertikaikan pengeluaran notis Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) terhadap kuil itu namun sehingga kini isu berkenaan tidak selesai, malah kuil sudah siap dibina dan digunakan.

"Kita pelik sampai sekarang MPKJ tidak ambil tindakan cuma mengeluarkan notis menghentikan pembinaan sebanyak tiga kali sejak 2014 dan kali terakhir

awal tahun ini.

"Adakah notis itu benar atau cuma wayang untuk menyedapkan hati penduduk semata-mata? katanya.

Sementara itu, wakil Jawantakuasa Bertindak Taman Koperasi Cuepacs Batu 12 dan Jalan Desa Baru, Mohd Shafawi Mat Said berkata, semakan pihaknya bersama Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) mendapati pembinaan kuil itu tidak dapat kelulusan MPKJ dan pihak berkuasa lain.

Selain kacau ganggu, ka-

tanya, penduduk menekankan aspek keselamatan berikutan kuil itu dibina tidak mengikut garis panduan ditetapkan dalam pelan pembangunan.

"Kita bantah sebab tidak sesuai kuil dibina di sini kerana dekat dengan tempat pembetungan kawasan perumahan dan berada di bahu jalan yang menyebabkan pertambahan kenderaan terutama ketika kuil digunakan untuk upacara keagamaan, perayaan mahupun perkahwinan.

"Semakan kita yang di-

sahkan MPKJ, pembinaan itu tiada pelan infrastruktur, tiada cadangan kementerian akan datang, tiada kelulusan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), malah tiada nombor warta untuk pembinaan rumah ibadat.

"Kita bimbang, jika berlaku kejadian tidak diingini bukan hanya membahayakan mereka yang datang ke kuil ini, malah berisiko kepada penduduk setempat juga," katanya.

Mohd Shafawi berkata, penduduk membantah pembinaan kuil itu sejak lebih 13 tahun lalu termasuk membawa perkara itu kepada pihak Jabatan Audit Negara, MPKJ, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari serta wakil rakyat tempatan namun isu itu masih tiada kesudahan.

"Kami bukan rasis, malah tak mahu isu ini dipolitikkan cuma mahukan tindakan tegas bagi menyelesaikan isu ini kerana ia membabitkan kepentingan masyarakat khususnya majoriti 85 peratus penduduk Islam di sini. Lagipun, sudah ada kuil 300 meter dari perumahan ini, jadi kenapa perlu bina lagi kuil di sini, apatah lagi dekat pula dengan surau selain masyarakat India di sini, cuma 10 peratus sudah pasti kuil ini juga diguna orang luar," katanya.

Ikuti penjelasan pihak berkuasa berhubung isu ini dalam Harian Metro esok.

HARIAN METRO
01 APR 2024
Tarikh:

Sri Ayu Kartika Amri
kartika@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan tidak akan mengenakan cukai perkhidmatan di kawasan zon bebas cukai (*free zone*) bagi terus memelihara daya saing negara.

Kementerian Kewangan (MOF) dalam satu kenyataan berkata, kerajaan memperluaskan skop pengecualian cukai perkhidmatan bagi sektor logistik untuk membantu mengurangkan kesan langsung kepada kos sara hidup rakyat serta insiden cukai berganda dalam sektor berkenaan.

Katanya, kerajaan juga bersetuju supaya pindaan dibuat kepada Kumpulan J: Perkhidmatan Logistik dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 iaitu Butiran 1(a) berkenaan perkhidmatan logistik dan Butiran 1(b) berkenaan perkhidmatan penghantaran atau pengedaran atau pengangkutan barang digabungkan sebagai satu butiran.

Sebelum ini, penyedia perkhidmatan logistik yang berada dalam Butiran 1(a) hanya layak mendapat pengecualian cukai ke atas perolehan perkhidmatan yang berada dalam Butiran 1(a) sama.

MOF berkata, semua perkhidmatan di bawah Kumpulan J: Perkhidmatan Logistik yang dibekalkan dalam dan di antara



CUKAI perkhidmatan tidak dikenakan di kawasan zon bebas cukai untuk memelihara daya saing negara.

ZON BEBAS CUKAI

TIADA CUKAI PERKHIDMATAN

kawasan khas/kawasan ditetapkan atau di antara kawasan khas dengan kawasan ditetapkan atau sebaliknya tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kecuali perkhidmatan ejen kastam yang kekal dikenakan cukai perkhidmatan seperti layanan terdahulu.

Justeru, katanya zon perdagangan dan perindustrian bebas seperti Zon Bebas Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Barat di Selangor serta Pelabuhan Pasir Gudang di Johor akan memperoleh manfaat daripada pengecualian itu.

MOF berkata, pengecualian daripada membayar cukai perkhidmatan

ke atas caj perkhidmatan penghantaran laut bagi semua barang yang dihantar menggunakan mod pengangkutan laut, terhad kepada perjalanan/destinasi Semenanjung ke Sabah/ Sarawak/Labuan; Sabah/ Sarawak/Labuan ke Semenanjung dan perjalanan di antara Sabah, Sarawak dan Labuan.

Kerajaan juga bersetuju supaya pengecualian membayar cukai perkhidmatan diberikan kepada perkhidmatan penyelenggaraan yang berkaitan perkhidmatan pembaikan bangunan rumah kediaman; kumpulan wang pelepas (*sinking fund*) dan perkhidmatan penyelenggaraan berkaitan tanah

atau bangunan bagi kegunaan kediaman disediakan oleh pemaju, badan pengurusan bersama, perbadanan pengurusan atau persatuan kediaman.

Katanya, ia bermaksud apa-apa perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan di premis kediaman seperti pembaikan bumbung rumah atau apa-apa peralatan dan kelengkapan yang menjadi sebahagian daripada premis kediaman seperti lif, penyaman udara serta sistem pemanas air tidak dikenakan cukai perkhidmatan.

Sementara itu, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan ber-

kata, pengecualian cukai perkhidmatan bagi sektor logistik dan penyelenggaraan disediakan atas keprihatinan kerajaan untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat dan pada masa yang sama, memastikan sektor perkhidmatan negara terus berdaya saing.

"Bagi terus memelihara daya saing negara, kerajaan tidak mengenakan cukai perkhidmatan di kawasan zon bebas cukai," katanya.

Penambahbaikan itu dibuat susulan daripada peluasan skop pengecualian cukai perkhidmatan bagi sektor logistik yang diumumkan pada 11 Mac 2024.

Proses kemas kini data PADU berterusan

Maklumat lebih tepat diperlukan bagi merangka inisiatif yang akan diumumkan kerajaan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Petaling Jaya: Proses kemas kini Pangkalan Data Utama (PADU) akan berterusan biarpun tempoh pendaftaran ditutup mulai tengah malam tadi.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata bagaimanapun proses kemas kini seterusnya tidak semudah sebelumnya kerana mereka yang masih belum mendaftar untuk kali pertama perlu membuat kemas kini maklumat awal.

Beliau berkata, profil setiap rakyat sebenarnya sudah tersedia dalam PADU, namun kerajaan memerlukan ia dikemas ki-

ni terutama maklumat berkaitan status pekerjaan, pendapatan, jumlah tanggungan serta alamat kediaman.

"Kepada yang tidak mendaftar dalam sistem PADU, maklumat asal demografi mereka sudah pun ada. Misalnya data pendaftaran negara. Setiap warganegara, mereka ada mendaftar untuk dapatkan kad pengenalan.

"Maklumat jantina sama ada lelaki atau perempuan. Cuma maklumat tempat kediaman mungkin berbeza. Data asas itu sudah ada, cuma kita perlukan data dinamik.

"Maklumat lain (yang sudah tersedia di PADU), contohnya jika mereka ada majikan, kita sudah ambil (datanya) dalam Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), kita sudah ambil maklumat itu (untuk dimuatkan dalam PADU)," katanya pada sidang media pada Program Pendaftaran PADU di Flat Sri Aman, di sini semalam.

Beliau berkata, tempoh akhir pendaftaran PADU diperlukan bagi membolehkan data individu yang sudah mendaftar dan



Mohd Uzir (tengah) bersama Datuk Bandar Petaling Jaya, Mohamad Zahri (dua dari kanan) beramah mesra dengan penduduk yang mendaftar PADU pada Program Pendaftaran PADU di Flat Sri Aman, Petaling Jaya, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

selesai dikemas kini itu, dianalisis bagi tujuan merangka bentuk inisiatif dan bantuan yang akan diumumkan kerajaan kelak.

"Kita perlukan satu titik 'deadline' untuk kita mulakan proses analisis, untuk kita merangka dan mencadangkan program bantuan yang perlu dilaksanakan untuk pertimbangan oleh kerajaan. Bagi mereka yang tidak mengemas kini atau yang mungkin ada kesilapan ketika melakukan kemas kini, akan diberi peluang pada masa akan datang.

"Kemas kini berkala (dalam PADU) ini adalah salah satu ciri kepada real-time data (RTD) dan ia tidak berbentuk sekali saja. Jangan bimbang, maklumkan dulu apa status sekarang. Setelah ini, ada perubahan, akan

dibuka lagi untuk pengemaskinian, untuk kita pastikan data yang terkini.

"Data PADU ketika ini (selepas ditutup tengah malam ini) adalah berpandu kepada data dari tempoh semasa yang sudah ditutup dan akan ada fleksibiliti (untuk mengemaskini) diberi selepas ini," katanya.

Pendaftaran meningkat

Beliau berkata, rekod menghampiri 50 peratus bagi pendaftaran PADU pada hari terakhirnya semalam sudah menyaksikan pencapaian yang baik, khususnya untuk kerajaan merangka bentuk bantuan mengikut segmen yang ditetapkan selepas ini.

"Seperti kita sudah lihat, memang sukar kita dapat 100 peratus. Jadi sasaran kita yang sudah dimaklumkan sebelum ini

adalah 50 peratus, itu adalah pencapaian yang baik. Memberikan perkara baharu kepada orang ramai terutama pengemaskinian data, bagi melihat keputusan yang segera, itu bukan perkara mudah.

"Rasionalisasi (subsidi) dan bantuan (disalurkan kerajaan) akan ditentukan berdasarkan penelitian dalam PADU dan pastinya selepas kita melaksana program bantuan yang akan dilaksanakan nanti, mungkin proses berikutnya akan lebih mudah," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Uzir berkata, rekod pendaftaran hari terakhir menyaksikan peningkatan memberangsangkan apabila sejumlah 10.8 juta rakyat sudah mendaftar dan mengemas kini maklumat mereka setakat jam 12 tengah hari kelmarin.

Agihan subsidi bersasar kerajaan tidak terjejas

Kuala Lumpur: Jumlah pendaftaran dan kemas kini maklumat dalam sistem Pangkalan Data Utama (PADU) yang masih belum mencapai separuh penduduk berusia 18 tahun, tidak akan menjejaskan agihan subsidi bersasar.

Pensyarah Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan, Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK), Profesor Emeritus Dr Barjoi Bardai, berkata ini kerana, berdasarkan cadangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), hanya 2.9 juta rakyat sahaja yang akan mendapat subsidi diesel dan petrol RON95.

Katanya, ia terdiri daripada masing-masing 1.1 juta rakyat yang mempunyai motosikal dan kereta dan 0.7 rakyat yang mempunyai kedua-dua kenderaan itu.

"Jadi pada pendapat saya, jumlah pendaftaran dan kemas kini maklumat dalam sistem PADU yang belum mencapai separuh penduduk berusia 18 tahun tidak akan menjejaskan agihan subsidi bersasar."

"Ini kerana, ketika ini sudah lebih 10 juta rakyat Malaysia yang mendaftar dan mengemas kini maklumat mereka dan ia sudah melebihi jumlah cadangan oleh KPDN untuk mendapat subsidi bersasar," katanya kepada BH.

Bagaimanapun, Barjoi mencadangkan kerajaan memberikan subsidi diesel dan petrol RON95 kepada semua golongan termasuk T20.

Katanya, jika pemberian subsidi itu diagih kepada semua golongan, ia sebenarnya masih mencukupi berikutan jumlah subsidi yang diberikan adalah

RM4.7 bilion.

Data sudah mencukupi

Sementara itu, pakar ekonomi, Profesor Dr Geoffrey Williams, berkata kerajaan sudah boleh membuat ketetapan berhubung penerima subsidi bersasar dengan berpandukan data semasa PADU.

“Jika pemberian subsidi itu diagih kepada semua golongan, ia sebenarnya masih mencukupi berikutan jumlah subsidi yang diberikan adalah RM4.7 bilion”

Barjoi Bardai,
Pensyarah Pusat Pengajian
Siswazah Perniagaan UNIRAZAK

Beliau berkata, data itu sepatutnya sudah mencukupi bagi kerajaan mendapatkan maklumat berhubung pendapatan nilai ambang minimum yang layak menerima subsidi bersasar.

Katanya, walaupun kadar pendaftaran semasa adalah kira-kira 30 peratus, jumlah itu sebenarnya amat baik berikutan ia

meliputi hampir 50 peratus populasi dewasa dalam masa yang singkat.

Terdapat kira-kira 30 juta rakyat Malaysia dengan 20 juta berusia lebih 18 tahun. Jadi kumpulan sasar ialah 20 juta pendaftaran kerana data 10 juta kanak-kanak itu dimasukkan dalam akaun ibu bapa mereka.

"Jika 10 juta mendaftar sebelum tarikh akhir 31 Mac, ia mewakili separuh populasi dewasa."

"Kita boleh faham jika golongan berpendapatan tinggi tidak mendaftar kerana berasaskan mereka tidak akan mendapat manfaat, jadi jika kita mengeluarkan 20 peratus teratas, maka sasaran ialah 16 juta."

"Jadi jika tidak termasuk golongan kaya, maka peratusannya adalah 62.5 peratus. Ini adalah kadar yang sangat baik dalam tempoh tiga bulan sahaja," katanya.



BERITA HARIAN
Tarikh.....0.1.APR.2024.....

RON95 dijangka guna harga terapung terurus

Kerajaan dijangka memperkenalkan mekanisme harga terapung terurus bagi RON95 pada harga RM2.10 hingga RM2.40 seliter berikutan pelaksanaan subsidi bersasar, demikian menurut MIDF Research.

Manakala bagi diesel pula, firma penyelidikan pasaran itu menjangkakan harga bahan api terbahit akan berdasarkan harga pasaran bermula Jun tahun ini.

Selain pengenalan mekanisme apungan harga terapung terurus bagi RON95, MIDF Research juga menjangkakan kerajaan akan memberikan bantuan tunai kepada mereka yang layak berdasarkan data Pangkalan Data Utama (PADU).

"Subsidi bersasar bahan api akan dilaksanakan seawal-awalnya Jun 2024. Spekulasi kami bahawa kerajaan akan memperkenalkan mekanisme harga terapung terurus untuk RON95 pada RM2.10 hingga RM2.40 seliter dan menyediakan pemberian wang tunai kepada mereka yang layak seperti berpandukan pangkalan data PADU.



Subsidi bersasar bahan api akan dilaksanakan seawal-awalnya Jun 2024.

"Bagi diesel, kami menjangkakan harga berdasarkan harga pasaran bermula dari Jun 2024 dan seterusnya," katanya dalam Tinjauan Pasaran Suku Kedua 2024.

Sementara itu, MIDF Research berkata, kadar inflasi dijangka berlegar atas tiga peratus berikutan pelaksanaan subsidi

bersasar bahan api.

Ia berkata, kadar inflasi keseluruhan dijangka lebih tinggi pada 3.2 peratus kerana subsidi bersasar bahan api berkemungkinan dilancarkan seawal Jun 2024.

Katanya, keseluruhan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) dijangka pada 0.5 peratus un-

tuk 2024 berbanding -1.9 peratus pada 2023.

"Justeru, inflasi bukan makanan dijangka meningkat sebanyak 2.9 peratus, manakala bekalan domestik yang lebih baik dan harga komoditi global yang normal akan mendorong kadar inflasi makanan lebih rendah pada 3.7 peratus pada 2024," katanya.

Mengenai Kadar Dasar Semalaman (OPR), MIDF Research berkata, kadar rujukan pinjaman domestik itu dijangka kekal pada 3 peratus, yang kekal menyokong dan akomodatif.

Ia berkata, tumpuan penetapan dasar monetari Bank Negara Malaysia (BNM) adalah untuk memastikan momentum pertumbuhan yang mampan dalam ekonomi Malaysia.

Katanya, Walaupun perdagangan luar dijangka pulih, persekitaran luaran kekal mencabar pada 2024 di tengah-tengah ketegangan geopolitik yang berterusan ketegangan dan pertumbuhan global yang berpotensi perlahan.

"Tinjauan ekonomi domestik dijangka kekal berdaya tahan disokong oleh permintaan domestik yang stabil. Walau bagaimanapun, kami percaya kestabilan kadar inflasi teras dan persekitaran luaran yang mencabar mungkin mempengaruhi BNM untuk mengekalkan OPR pada paras semasa sepanjang 2024.

"Keputusan itu akan tertakluk kepada kestabilan pertumbuhan ekonomi, kadar kenaikan harga dan kemajuan berterusan dalam keadaan makroekonomi, khususnya pemulihan berterusan dalam pasaran pekerjaan dan permintaan domestik yang semakin meningkat," katanya.

Dari perspektif jangka sederhana, MIDF Research berkata, normalisasi kadar dasar diperlukan untuk mengelakkan risiko yang boleh menjejaskan kestabilan prospek ekonomi masa depan seperti inflasi yang berterusan tinggi dan peningkatan berterusan keberhutangan isi rumah.

BERITA HARIAN
Tarikh... 01 APR 2024

10.85 juta daftar PADU menjelang hari terakhir

Oleh **FATIN NORIZATI MAT ISA**
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Seramai 10.85 juta rakyat Malaysia sudah mendaftar dan mengemas kini maklumat dalam sistem Pangkalan Data Utama (PADU) menjelang hari terakhir setakat pukul 12 tengah hari semalam.

Bagi Pengarah Program MBA, Putra Business School (PBS), Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff, kerajaan akan meneruskan rancangan untuk memperkenalkan subsidi bersasar walaupun hanya separuh penduduk dewasa mendaftar dalam PADU.

"Walaupun hanya separuh penduduk dewasa mendaftar dalam PADU, kerajaan akan tetap terus memperkenalkan subsidi bersasar.

"Ini kerana, kerajaan tidak mahu melewatkan bantuan kepada mereka yang terkesan dan juga mengurangkan ketirisan serta pembaziran dalam sistem subsidi sedia ada," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Ahmed Razman turut berkata, matlamat kerajaan akan tercapai akhirnya apabila rakyat melihat keberkesanan PADU apabila kerajaan memperkenalkan subsidi bersasar bagi memberikan bantuan kepada mereka yang



PENDUDUK Flat Sri Aman mendaftar Pangkalan Daftar Utama (PADU) sempena Lawatan Mesra Datuk Bandar Petaling Jaya ke flat berkenaan, semalam. - **UTUSAN/MOHD. FIRDAUS MOHD. JOHARI**

sudah mendaftar.

"Pada ketika itulah, rakyat Malaysia yang tidak mendaftar PADU akan mula mendaftar bagi mendapatkan bantuan yang telah disediakan oleh kerajaan," ujarnya.

Dalam pada itu, Pakar Ekonomi, Prof. Madya Dr. Abu Sofian Yaacob berkata, matlamat PADU yang diperkenalkan oleh kerajaan

adalah tidak jelas terutamanya kepada kumpulan yang disasarkan.

Katanya, terdapat rakyat Malaysia yang tidak mahu mendaftar PADU disebabkan mereka merupakan golongan yang tidak memerlukan bantuan subsidi kerajaan atau mereka berasa curiga tentang keselamatan data dan maklumat peribadi mereka akan

disebarkan.

"Kerajaan perlu perbanyakkan maklumat dan komunikasi bersama rakyat dengan bahasa mudah dan juga perlu ada infografik untuk menerangkan manfaat yang diperolehi oleh individu apabila mendaftar untuk PADU dan juga jaminan tentang integriti serta keselamatan data," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
01 APR 2024
Tarikh:

20 SYARIKAT TERBESAR MINGGU LALU

Kaunter	Harga (RM)	Nilai Pasaran	Kaunter	Harga (RM)	Nilai Pasaran
MAYBANK BHD	RM9.69	116,929	MISC BERHAD	RM7.67	34,237
PUBLIC BANK BHD	RM4.22	81,913	YTL POWER	RM3.87	31,576
CIMB GRP BHD	RM6.64	70,816	SIME DARBY PLANT	RM4.31	29,807
TENAGA NASIONAL	RM11.38	65,860	YTL CORPORATION	RM2.63	28,996
PETRONAS CHEML	RM6.71	53,680	NESTLE (M) BHD	RM118.20	27,718
IHH HEALTHCARE	RM6.05	53,282	MAXIS BERHAD	RM3.37	26,394
CELCOMDIGI	RM4.19	49,155	IOI CORP BHD	RM3.98	25,015
HONG LEONG BANK	RM19.38	42,010	AXIATA GROUP BHD	RM2.69	24,699
PRESS METAL	RM4.65	38,314	K.LUMPUR KEPONG	RM22.44	24,661
PETRONAS GAS	RM17.62	34,865	HB BANK BHD	RM5.67	24,304

KAUNTER YANG AKAN MENDAPAT PERHATIAN KERANA PEMBAYARAN DIVIDEN

Syarikat	Dividen	Ex-date	Lodgement date	Payment date
RGB	0.008 sen/saham	29 Mac	01/29 Mac	18 April
BVLH	1.6 sen/saham	29 Mac	01 April	19 April
SAMCHEM	0.8 sen/saham	29 Mac	01 April	24 April
TM	0.05 sen/saham	01 April	02 April	19 April
KENANGA	7.00 sen/saham	01 April	02 April	16 April
MFCB	0.0425 sen/saham	02 April	03 April	01 April
APOLLO	50 sen/saham	02 April	03 April	19 April
MAGNI	3.5 sen/saham	02 April	03 April	24 April
RGTECH	0.05 sen/saham	03 April	04 April	18 April
CAB	0.05 sen/saham	03 April	04 April	18 April
RADIUM	1.00 sen/saham	04 April	05 April	19 April
THPLANT	2.00 sen/saham	05 April	08 April	02 Mei

RINGGIT DIUNJUR MENGUKUH PADA RM4.38 TAHUN INI

Oleh HENDRA WINARNO
hendra.winarno@mediamula.com.my

PETALING JAYA: MIDF Research mengunjurkan nilai ringgit akan lebih mengukuh pada tahun ini pada RM4.38 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS).

Firma penyelidikan itu mengunjurkan ringgit 2024 akan berada pada purata lebih rendah iaitu RM4.38 berbanding dolar AS (purata 2023:RM4.56), dan mencecah RM4.20 menjelang akhir tahun (akhir 2023: RM4.59).

Katanya, ringgit berada dalam kedudukan baik didorong oleh ekonomi domestik terus berkembang dengan momentum memberangsangkan, harga komoditi global yang menyokong, lebih perdagangan mampan dan kemungkinan pemotongan kadar bank pusat pada 2024.

"Paling penting, Rizab Perhutuan AS (Fed AS) dan bank pusat utama lain telah selesai dengan kenaikan kadar faedah mereka dan kemungkinan besar beralih kepada pemotongan kadar pada tahun 2024," katanya dalam nota penyelidikan.

Firma itu menambah, bagaimanapun, prestasi ringgit dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti pembayaran, aliran dana asing, perdagangan luar negeri, dasar pertukaran asing dan harga komoditi.

"Daripada analisis kami, kami boleh menjangkakan bahawa prestasi mata wang dipengaruhi oleh pelbagai faktor seiring memburukkan lagi pergerakan ringgit dan dolar AS pada titik berbeza antara satu sama lain sehingga menyederhanakan pergerakan ringgit," ujarnya.

MIDF Research berkata, sukar untuk menentukan tahap pengaruh setiap faktor kerana ia bergantung kepada keadaan semasa sama ada luaran atau domestik.



RINGGIT berada dalam kedudukan baik didorong oleh ekonomi domestik terus berkembang dengan momentum memberangsangkan.

"INDEKS ITU MEMBOLEHKAN MENANGKAP KESAN PERGERAKAN RINGGIT PERDAGANGAN DENGAN INDEKS DISELARASKAN MENGIKUT PERDAGANGAN MALAYSIA DENGAN NEGARA LAIN."

Firma itu turut memperkatakan Indeks Ringgit Berwajaran Dagangan (MIDF TWRI) diperolehi daripada perdagangan ringgit-prestasi FX wajaran berbanding mata wang 16 rakan dagangan terbesar Malaysia.

"MIDF TWRI menunjukkan bahawa menjadikan dolar AS sebagai ukuran tunggal prestasi ringgit tidak akan menjadi gambaran lengkap prestasi ringgit berbanding keseluruhan makroekonomi Malaysia," katanya.

Firma itu berkata, MIDF TWRI boleh menjadi ukuran yang lebih baik untuk pergerakan ringgit.

"Indeks itu membolehkan menangkap kesan pergerakan ringgit perdagangan dengan indeks diselarasakan mengikut perdagangan Malaysia dengan negara lain," katanya.

Mengulas jangkaan ringgit minggu ini, penganalisis ekonomi UniKL Business School, Prof. Madya Dr. Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, kedudukan ringgit dijangka bergerak dalam julat RM4.70 ke RM4.78 berbanding dengan dolar AS.

"Ia berikutan tiada petunjuk baharu yang diperolehi dan kenyataan terbaru oleh Gabenor Federal Reserve AS,

Waller, bahawa mereka tidak perlu terburu-buru menurunkan kadar faedah semasanya iaitu 5.25 peratus hingga 5.5 peratus," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Katanya, ia jelas akan menguatkan kembali mata wang dolar AS berdasarkan data terbaharu menunjukkan kadar pengangguran AS yang menurun adalah lebih baik dari jangkaan awal.

"Manakala, laporan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) AS untuk suku keempat 2023 lebih tinggi pada 3.2 peratus, diterajui pertumbuhan segmen pengguna yang tinggi iaitu 3.3 peratus, lebih tinggi dari jangkaan awal 3.0 peratus," katanya.

Aimi menambah, jualan segmen perumahan turut meningkat 1.6 peratus dan melebihi jangkaan awal iaitu 1.5 peratus.

Ujarnya, Gabenor, Christopher J. Waller mengatakan tidak wajar untuk mengurangkan kadar faedah semasa dan lebih baik ditangguhkan dahulu di masa hadapan.

"Peningkatan positif keluaran ekonomi dan pasaran buruh menunjukkan pertumbuhan ekonomi yang baik manakala kadar inflasi pula tidak berkurangan bagi mencapai sasaran 2.0 peratus.

"Indeks DXY pula kembali menunjukkan prestasi kekuatan dolar AS kepada 104.5 mata, iaitu kenaikan dari 102 mata dalam tempoh 2 hari. Kesannya dolar AS terus menguat keatas semua matawang dunia iaitu pound sterling, yen termasuklah ringgit," katanya.

Beliau berkata, Bursa Malaysia dijangka bergerak seiring dengan bursa-bursa utama dunia yang lain, seperti New York, London, Tokyo, HongKong yang berada di zon positif.

"Index Bursa dijangka bergerak disekitar julat 1520 ke 1550 mata minggu ini," katanya.

JULAT PERTUMBUHAN PINJAMAN DIUNJUR 5.5 HINGGA 6.0 PERATUS

Oleh HENDRA WINARNO
hendra.winaro@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kenanga Research mengunjurkan julat pertumbuhan pinjaman dalam sektor perbankan sebanyak 5.5 peratus hingga 6.0 peratus pada 2024.

Firma penyelidikan itu berkata, unjuran itu melepasi unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalamannya sebanyak 4.5 peratus hingga 5.0 peratus kerana pinjaman isi rumah boleh kekal memberangsangkan.

"Tekanan margin faedah bersih (NIM) dijangka berkurangan dengan pertumbuhan pinjaman yang utuh, walaupun dengan panduan menyederhana."

"Pelabur dijangka akan bpusu-pusu masuk ke sektor ini, terutamanya dalam modal besar, sekali gus kos kredit tidak menjadi kebimbangan besar," katanya dalam kenyataan.

Katanya, syarikat korporat tertentu menjangkakan pemampatan berterusan dalam NIM sebelum ia meningkat ke tahap yang lebih mampan.

Tambah firma itu, bank pilihan teratasnya bagi suku kedua



PERTUMBUHAN pinjaman dalam sektor perbankan dijangka meningkat sebanyak 5.5 peratus hingga 6.0 peratus tahun ini.

2024 ialah Public Bank Bhd. (OP; TP: RM5.10) dengan persepsi daya tahan tertinggi dengan

jangkaan lebih cerah untuk hampus kira.

Katanya, ia diikuti oleh RHB

Bank (OP; TP: RM7.25) sebagai peneraju dividen baharu sambil disokong oleh baki CET-1 yang

besar, dan Alliance Bank Malaysia Berhad (OP; TP: RM4.30) untuk asasnya yang mampan mengatasi nama bermodal lebih besar tertentu, walaupun merupakan bank tersenarai terkecil.

Jelasnya, Kadar Dasar Semalaman (OPR) turut dijangka berada dalam keadaan mantap pada 3.00 peratus sepanjang 2024 dengan makro yang menjulang berkemungkinan cenderung kepada pelarasan yang menurun.

"Kami terus menjangkakan OPR akan berada dalam keadaan mantap 3.00 peratus sepanjang 2024 dengan kecenderungan menurun yang lebih besar mengikut arah sekiranya Bank Negara Malaysia memilih pelarasan," katanya.

Tambahnya, ini disebabkan ringgit melemah mungkin menjadi beban kepada rantaian bekalan domestik.

"Selain itu, kawalan monetari yang lebih ketat mungkin tidak wajar dengan peningkatan dua mata peratusan dalam cukai perkhidmatan bagi kategori terpilih, pelaksanaan cukai mewah serta subsidi bahan api bersasar akan menimbulkan tekanan inflasi."

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 01 APR 2024

AVOID WORKING IN SILOS ON PADU

CONGRATULATIONS on the launch of the Central Database Hub (Padu), aimed at enhancing the quality and effectiveness of government service delivery to the people.

A much awaited long-term goal.

Specifically, the primary objective of Padu at present, or its current "user case", is to enable the government to deliver social assistance more efficiently, primarily to ensure subsidies reach their targets.

Last year, subsidies and social assistance were estimated to have reached RM67 billion, or 16.5 per cent of the total budget allocation, nearly matching the development expenditure.

Additionally, targeted subsidies are hoped to alleviate the widening fiscal deficit, with the perception that there is leakage due to blanket, non-targeted subsidy allocation methods.

Indeed, data is the "oil" in today's digital world. More accurate decisions depend on detailed, real-time data.

Detailed granular and real-time data enables micro-targeting and precise public policy formulation.

Eminent economist Prof Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali uses the following example in relation to Padu social assistance packages.

For instance, the assistance for Ahmad, a taxi driver, whose wife sells cakes, and whose three children, including one university student, reside in Kuala Lumpur, would differ from those for Abdul, a fisherman, whose wife is elderly, and whose three school-age children live in Dungun.

Each eligible recipient would receive social assistance tailored to their specific needs.

This is known as micro-targeting.

Any changes in Ahmad's and Abdul's family socioeconomic information could alter the assistance package they receive. Perhaps one day, both of them may no longer qualify for government assistance, or perhaps they could remain eligible until the end of their lives, albeit with varying amounts.

The term "real-time" means that the relevant information is captured not last year, not last month, not yesterday, not this morning, but at this very moment.

Padu is characterised as "near real-time", possibly limited to last month or six months ago, depending on the existence, speed



SAMIRUL ARIFF OTHMAN

and frequency of data capture.

Generally speaking, social data does not change frequently, so there is no need for real-time data for Padu.

Government policy-making must be evidence-based, supported by quality data.

However, to what extent is detailed and real-time data necessary for effective policy formulation?

Is a near real-time data repository involving 32 million Malaysians like Padu necessary to address social assistance leakage problems?

Indeed, economists dream of having access to detailed and real-time data. With the latest data analytics capabilities, various detailed information about the issues at hand aids in the implementation and formulation of public policies.

The development of Padu is seen as meeting some of the expectations behind its establishment.

This detailed and real-time data repository also has the potential for various other uses in the future.

Collecting such data is not as straightforward as one might think.

At the government level alone, there are 400 plus data repositories under various federal, state and local government agencies.

Each one is developed for specific purposes, based on their respective portfolios.

Some are subject to specific acts that restrict data sharing between agencies. Each one has different definitions/interpretations and methodologies.

Some databases rely solely on self-reported data, documented and verified by various categories of verifiers (village heads, representatives, government officials, etc).

Some require verification visits from specific agencies.

The constraint of data sharing among these hundreds of public



Members of the public at a Central Database Hub (Padu) registration counter in January. The primary objective of Padu is to enable the government to deliver social assistance more efficiently. PIC BY NUR AISYAH MAZLAN

data repositories is a known issue.

The National Data Sharing Policy was announced in wake of the Covid-19 pandemic.

Is this data sharing "problem" a solution to the "problem" of social assistance leakage? Are we actually solving one problem by addressing another? Binding one "user case" with another? Could it be a case of two issues, one solution?

The process of integrating data repositories, system development, registration, updating and data verification in Padu is a lengthy process. It takes time and cannot be rushed.

As the saying goes, haste makes waste. In other words, rapid does not necessarily mean good.

It needs to be carefully tested, and ensured for its capability and resilience.

Managing public institutions and issues is not the same as managing private institutions and issues.

It has to be remembered that data sharing among government agencies must be based on relevant acts and regulations.

We must respect the sanctity of personal data collected.

This matter needs to be scrutinised to avoid any violations of personal data protection.

Noor Azlan is of the opinion that Padu should be made into a separate initiative. Specifically, to integrate the 400-plus public data repositories.

Enhancing data sharing among agencies improves service efficiency and quality, in addition to beefing up the capacity for public policy formulation.

As a government data and knowledge centre, it should continue indefinitely and not be limited to the spirit and leadership of the current administration in Putrajaya.

The "user case", targeting subsidies to avoid burdensome fiscal positions, can be resolved without tying it to the problem of data sharing and integrating public data repositories.

They ought to be separated. Noor Azlan believes that the social assistance database at the Finance Ministry, developed over the past few years, can serve as a basis for solving this leakage problem.

Using a metaphor to illustrate this scenario, let's not buy a new house just because the light bulb is broken. Playing with data can indeed be exciting. Sometimes, it's so captivating that the original goal of data collection gets sidelined in the discussions.

Some may even get lost in the vast and deep pool of data, losing sight of the original purpose of data collection.

In the context of public issues, it's crucial for us to first understand the problems we aim to address.

We need to assess the value of existing data repositories in the Finance Ministry, understanding

both their strengths and weaknesses. Identifying obstacles and determining any additional information required is essential.

Starting from there, we must remain focused.

Our "user case" is the leakage of social assistance, not data sharing between agencies, which is limited.

Let's continue the development of Padu as a public data initiative. It syncs well with the digital era.

Enhance public confidence and strengthen the capability and security of Padu.

Sufficient time is required for this to materialise. Remember that Rome wasn't built in a day.


Let's align Padu with government technology and Malaysia Digital Identity from now on.

Hopefully, we will not end up dealing with fragmented digital systems that operate in silos and singularly don't share data once again.

To conclude, British philosopher Arnold J. Toynbee is reported to have said civilisation is a movement and not a condition, a voyage and not a harbour. This certainly holds true in the case of Padu.

The writer is a senior consultant with Global Asia Consulting and was previously a senior researcher at the Malaysian Institute of Economic Research. The opinions expressed are his own.

BERNAMA PIC



'People can update data in Padu periodically'

CHIEF Statistician Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin also says he is optimistic that the Central Database Hub registration target of 50pc by March 31 is achievable. The sheer number of people visiting Padu's portal and queuing up at its booths in the past few days may just prove him right.

» REPORTS ON PAGE 5

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: ...0..1..APR..2024....

'Enough data for govt to decide who gets subsidies'

KUALA LUMPUR: The data collected by the Central Database Hub (Padu) by now should be sufficient for the government to decide who is eligible for subsidies.

It would have given the government enough information with a minimum threshold income to make the decision.

Economist Professor Dr Geoffrey Williams said even though the current registration rate was around 30 per cent, the number was actually very good, given that it has covered around 50 per cent of Malaysian adults in just a short time.

"There are around 30 million Malaysians and 20 million are over 18 years old. So the target group is 20 million registrations because the 10 million children will have their data included in their parent accounts.

"If 10 million have registered by the March 31 deadline, this will be half of the adult population.

"We can understand if high-income people do not register because they feel that they will not benefit, so if we remove the top 20 per cent, the target would be 16 million.

"So if we include everyone, we have a 50 per cent sign-up rate, excluding the rich, then it is 62.5 per cent. This is a very good rate in just three months."

A total of 10.61 million have registered with Padu since yesterday.

Williams said given that the government had captured the data of a large fraction of Malaysians, they should be able to begin the process of targeted subsidies in stages.

"The government can now set a minimum threshold income of Universal Basic Income (UBI) based on the data.

"Those below this level can receive assistance while those above will get on with life as normal but will not receive assistance they do not need.

"Over time, all ad-hoc welfare assistance can be replaced by cash transfers to eligible recipients below the UBI level with less wastage, leakages and corruption through agencies, middlemen and bureaucracy," he said, adding that the government would also save money by excluding those who didn't need help.

The Padu registration,

Williams said would allow the government to treat people individually rather than as a group, making it more useful.

"Those in higher income groups will have already disclosed their income to the Inland Revenue Board and other databases.

"Padu will now have more accurate data on low-income groups, which would not necessarily be captured in other databases," he said.

Putra Business School economic analyst Associate Professor Dr Ahmed Razman Abdul Latiff said those in the B40 group who did not register might still get assistance such as the Sumbangan Tunai Rahmah (STR) since their data was already there. But they might encounter difficulties in getting the soon-to-be-introduced subsidies.

"They (the B40) might be getting a basic amount of subsidies based on the existing data, but those who register with Padu might be getting more because of additional information on their household, such as the number of dependents and debt commitments," he said.

NEW STRAITS TIMES
Tarikh:01..APR..2024....

Padu registration booths packed as deadline looms

PETALING JAYA: With less than nine hours left before registration with the Central Database Hub (Padu) closes, Malaysians are taking advantage of the physical registration booths available to submit and update their data.

At the Sri Aman Apartments in SS1 here yesterday, many of those who went to register were the elderly, some even going with their friends and family.

Retiree Chin Chee Len came from Old Klang Road as she had difficulties doing it on her own.

"The government said registering with Padu will benefit us. I'm already retired and I have no income. I hope to be able to receive government aid."

Another retiree, who only wanted to be known as Tan KH, said he had been meaning to get his data on Padu updated, but had been busy.

The former teacher said he was not worried about speculation that his data would be

compromised.

"What is there to be hacked? If (scammers) try to (access the data and) take my money, they will need my thumbprint. Without that, they cannot do anything," he said.

Tan, who is 80, was brought to the registration drive by his friend.

"The whole process was very quick. It took me less than 10 minutes," he added.

Asiah Ismail, 63, said she had delayed registering as she did not know how to complete the details by herself.

"I needed some assistance and I don't have very good eyesight. I'm glad they came here to help."

"I think it's important for people to register."

"I'm just a contract worker at a factory and I don't earn much."

"This will help the government to identify people like me, who may be left out of any targeted aid."

NEW STRAITS TIMES

Tarikh: 01 APR 2024



On a Friday-to-Friday basis, the ringgit strengthened to 4.7215/7280 against the greenback compared with 4.7340/7390 a week earlier. FILE PIC

JOB REPORTS

'Ringgit likely to stay at 4.72-4.73 range against US dollar this week'

KUALA LUMPUR: The ringgit is expected to maintain its current range of 4.72 to 4.73 against the US dollar this week, said an economist.

Bank Muamalat Malaysia Bhd chief economist Mohd Afzanizam Abdul Rashid said the hurdle would be the United States jobs report and business sentiments.

He said there would be a slew of jobs reports such as Jobs Opening and Labour Turnover and non-farm payrolls, which were expected to moderate to 198,000 last month from 275,000 in February.

In a nutshell, investors will be scrutinising the data to establish

their view on the US Federal Reserve (Fed) fund rate outlook, in particular the timing for the rate cut.

"Such anxiety would keep the US dollar well supported as Fed officials seem adamant about keeping the rate higher to quell inflation," said Afzanizam.

On a Friday-to-Friday basis, the ringgit strengthened to 4.7215/7280 against the greenback compared with 4.7340/7390 a week earlier.

The local note traded higher against most major currencies.

It improved vis-a-vis the yen to 3.1194/1241 from 3.1223/1258 a

week earlier, higher against the British pound to 5.9548/9630 from 5.9582/9645 and rose against the euro at 5.0907/0977 from 5.1203/1257 previously.

The ringgit also traded higher against Asean currencies. It rose to 12.9712/12.9983 against the baht from 13.0116/0318 and gained versus the Singapore dollar to 3.4987/5040 from 3.5106/5145.

The ringgit rose against the rupiah to 297.7/298.2 from 299.8/300.4 and improved against the Philippine peso to 8.40/8.42 from 8.41/8.42. Bernama

NEW STRAITS TIMES

Tarikh: 01 APR 2024

Banking sector's profit seen to grow 6pc

KUALA LUMPUR: The banking sector's profit is expected to grow at a slower rate of six per cent this year without a meaningful recovery in net interest margin and a slowing non-interest income growth.

Hong Leong Investment Bank Bhd (HLIB Research) said it also expected no write-back in net credit costs.

Sector profit grew 15 per cent last year.

"Regardless, valuations are not excessive. Hence, we feel it is too premature to turn full-on bearish," it said.

HLIB Research has a "buy" rating on Public Bank Bhd for its defensive qualities and multi-year low foreign shareholding. It has a target price of RM4.80 for the bank.

For mid-sized banks, HLIB Research favours AMMB Holdings Bhd for its dividend payout band-

width in the near future. It has a target price of RM4.60 for the stock.

For small banks, HLIB Research favours Alliance Bank Bhd, given its inexpensive valuations. It has a target price of RM3.95 for the stock.

"In our view, the risk-reward now is more balanced as there are no new positive catalysts to spur share prices significantly higher," it added.

NEW STRAITS TIMES

Tarikh: ...0..1..APR..2024.....